

## KUALA LANGAT / SEPANG

# Sumbangan sudah cecah RM90,000

**JUGRA** - "Terima kasih sebab bermurah hati salurkan sumbangan," Demikian menurut Mohd Ashar Misran, 52, bapa kepada penuntut perubatan Universiti Monsoura, Mesir, Nur Mardhiah, 25.

Menurutnya, sumbangan yang dihulurkan membolehkan dia membuat bayaran tunggakan yuran pengajian anaknya.

"Saya sebak bila isteri (Norlaila Kadri, 50) beritahu sumbangan masuk bertalu-talu ke akaun kami selepas kisah kami disiarkan *Sinar Harian*.

"Sehingga semalam, sumbangan yang kami terima mencecah RM90,000 dan jumlah itu cukup untuk menjelaskan tunggakan 22,400 USD (RM89,824) yang

### Tak mampu bayar RM89,824

Suami isteri rayu bantuan dana, perlu jelas tunggakan yuran pengajian anak selewatnya Mei ini



### Laporan Sinar Harian, 29 Mac lalu.

perlu dibayar selewat-lewatnya Mei ini," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Terdahulu, *Sinar Harian* pada 29 Mac lalu, melaporkan kekangan yang dihadapi Mohd Ashar untuk menjelaskan yuran pengajian anaknya itu dan hasilnya, pelbagai pihak prihatin menyalurkan

sumbangan.

Ashar yang tinggal di Taman Jugra Jaya, Banting di sini, sejak 20 tahun lalu, menghadapi masalah penglihatan apabila matanya buta, malah buah pinggang juga rosak.

Disebabkan ketidakupayaannya itu, Ashar berharap ada yang sudi membantu menyalurkan dana untuk menjelaskan tunggakan yuran pengajian berkenaan.

Mohd Ashar berkata, sikap prihatin dan murah hati rakyat negara ini banyak membantunya mengumpulkan dana untuk menjelaskan yuran pengajian berkenaan.

"*Sinar Harian* ada siar kisah kami, malah isteri beritahu ada video pendek pasal kami... tu yang

jadi viral. Alhamdulillah, urusan ni dipermudahkan.

"Saya tak tahu siapa yang salurkan sumbangan... ALLAH saja yang dapat membalas jasa mereka yang sudi membantu," katanya.

Bagaimanapun menurutnya, dia masih perlu mencari dana untuk membiayai yuran pengajian anaknya itu untuk tiga tahun lagi sebanyak RM36,892.

"Pakcik kena cari duit lagi untuk tengok Nur Mardhiah berjaya... pakcik akan terus usaha selagi mana pakcik mampu.

"Cumanya sekarang, pakcik dah tak boleh kerja... harapkan bantuan Zakat dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) saja," katanya.

## Al-Ehsan sambut baik penarikan sekatan ke atas Dr Zakir

**BANTING** - Pertubuhan Al-Ehsan menyambut baik keputusan penarikan semula sekatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) terhadap Dr Zakir Naik.

Naib Presiden Pertubuhan Kebajikan Al-Ehsan Islamiah Malaysia, Mohd Afiq Mohd Tuniman berkata, mulanya, pihaknya berasa sangat kecewa dengan

isu bantahan terhadap program diatur pihak tertentu untuk Dr Zakir Naik.

"Hal seperti itu tidak sepatutnya berlaku. Dr Zakir seorang yang popular dalam membuat penilaian kritis dan memberi jawapan strategik kepada soalan mencabar yang diajukan penonton selepas ceramahnya," katanya.

Menurutnya, sekatan sebelum ini mungkin disebabkan PDRM ditekan atau terpengaruh dengan anasir jahat yang cuba melemahkan umat Islam.

"Ini berikutan laporan polis yang dibuat segelintir masyarakat bukan Islam yang membantah ceramah Dr Zakir bertajuk 'The Similarities Between Islam and

Hindu'.

"Tak ada apa yang tak kena dengan tajuk itu, memandangkan universiti terlibat secara tradisinya banyak membahaskan aspek perbandingan agama secara ilmiah.

"Namun, apabila ada yang cuba mencetuskan polemik tentulah PDRM secara bertanggungjawab perlu bertindak," katanya.

# Aktiviti pasang ambai makin rancak

Pihak tertentu kaut untung berlipat ganda, nelayan berdepan kemerosotan hasil tangkapan

**SIJANGKANG** - Nelayan di Kuala Langat di sini, terpaksa berdepan kemerosotan hasil tangkapan disebabkan tindakan individu tertentu memasang ambai atau pukot harimau di sepanjang laluan laut dari Batu 8, Sijangkang ke Pulau Indah, Klang.

Pengerusi Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, nelayan mengadu terdapat beberapa kawasan dipasang ambai sedangkan aktiviti itu difahamkan tidak dibenarkan Jabatan Perikanan.

Menurutnya, aktiviti itu diharamkan kerana ia mengganggu punca pendapatan nelayan lain selain menghalang laluan pengangkutan laut.

"Saya bersama nelayan dah tinjau kawasan yang dimaksudkan dan ternyata aktiviti itu semakin rancak. Ada lebih lima lokasi yang



**“ Saya bersama nelayan dah tinjau kawasan yang dimaksudkan dan ternyata aktiviti itu semakin rancak. Ada lebih lima lokasi yang dipasang ambai.”**

- Sulaiman

dipasang ambai.

"Mereka pacak kayu untuk gantung jaring tangkap ikan dan ambai ni dipasang



Pemasangan ambai menyebabkan hasil tangkapan nelayan merosot.

sebagai cara mudah nak tangkap ikan dengan cepat," katanya kepada *Sinar Harian* ketika melakukan tinjauan, kelmarin.

Beliau berkata, nelayan memaklumkan kayu yang dipacak sedalam 20 meter dan ia memerlukan modal yang besar.

"Aktiviti macam ni memang tak adil untuk nelayan lain... apa tidaknya, nelayan lain jadi mangsa, pendapatan mereka terjejas disebabkan

kan ada orang yang tak ikut peraturan.

"Pihak berwajib kena turun padang tengok keadaan ni. Nelayan kata dah lama sangat jadi, ada lima hingga enam tahun dah, dan tahun lepas makin rancak.

"Kita bukan nak sekat periuk nasi orang pasang ambai tu, tapi kalau dah mereka sendiri sekat periuk nasi nelayan lain, macam mana pula... mereka untung berlipat ganda, nelayan lain rugi," katanya.

*Sinar Harian* dimaklumkan, individu yang memasang ambai tersebut menyasarkan hasil tangkapan seperti udang dan ikan besar manakala hidupan lain akan dibuang.

Bagaimanapun, nelayan sekitar berharap, sekiranya aktiviti itu dibenarkan mereka perlu dimaklumkan mengenainya dan jika diharamkan, tindakan segera perlu diambil.

## Pendaftaran bola sepak pantai dibuka

**KUALA LANGAT** - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) akan menganjurkan Kejohanan Bola Sepak Pantai Terbuka Selangor 2016 Piala Yang Dipertua MDKL, 7 hingga 8 Mei ini.

Kejohanan yang berlangsung di Gelanggang Bola Sepak Pantai, Pantai Morib, Banting itu dibuka untuk pendaftaran penyertaan sehingga jam 12 tengah hari, 4 Mei nanti.

Undian dan taklimat akan diadakan di MDKL kira-kira jam 3 petang, hari sama.

Penyertaan terhadap kepada 48 pasukan yang membuat pendaftaran dan setiap permohonan mesti disertakan dengan bayaran yuran ditetapkan.

Semua hadiah wang tunai hanya akan dibayar kepada pasukan yang menang.

Juara kejohanan akan membawa pulang piala pusingan, wang tunai RM5,000; naib juara (RM3,000); tempat ketiga (RM2,000) dan keempat (RM1,000).

Sementara itu, tempat kelima hingga kelapan, akan bawa pulang RM500 dan masing-masing akan menerima medal.

Maklumat lanjut boleh hubungi Rizaki Jaapar (016-2812208); Samsul Bahrin Samsuddin (013-6203801) atau Mohd Zubir Mohd Aman (019-2888739)